



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj : KPM.100-1/7/1 Jld.2 (16)
Tarikh : 30 Mac 2022
27 Syaaban 1443

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG GARIS PANDUAN AKTIVITI BULAN RAMADAN DI
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan **Garis Panduan Aktiviti Bulan Ramadan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan institusi pendidikan bawah KPM bagi pengoperasian sepanjang bulan Ramadan.
3. Garis panduan ini juga perlu dibaca bersama-sama Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3.0, ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri berkaitan aktiviti ihya' Ramadan, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan dan peraturan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Aktiviti Bulan Ramadan di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk perhatian dan tindakan lanjut YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan.

...2/-

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan semua institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan.

Sekian, terima kasih

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJAH NOR ZAMANI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. :

- i. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
- ii. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
- iii. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
- iv. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
- v. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
- vi. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
- vii. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN AKTIVITI BULAN RAMADAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Pendahuluan

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pengurusan aktiviti ihya' Ramadan.

1.2 Dokumen ini adalah lampiran tambahan (annex) kepada:

- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0.; dan
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3.0.

1.3 Garis panduan ini juga perlu dibaca bersama-sama ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) berkaitan ihya' Ramadan, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

2. Pengurusan Aktiviti Ihya' Ramadan di Sekolah

2.1 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur

- Aktiviti berbuka puasa, moreh dan sahur terhad kepada murid yang tinggal di asrama sahaja.
- Pelibatan murid selain penghuni asrama tidak dibenarkan.
- Murid asrama tidak dibenarkan berbuka puasa, moreh, dan sahur di luar kawasan asrama/sekolah.

- Pihak sekolah hendaklah memastikan kapasiti tempat berbuka puasa, moreh dan sahur mencukupi dengan mengambil kira penjarakan fizikal serta mematuhi peraturan pengurusan dewan makan asrama sedia ada.
- Pihak sekolah dibenarkan menggunakan mana-mana bilik atau ruang yang sesuai untuk dijadikan tempat berbuka puasa, moreh dan sahur bagi menampung kapasiti keperluan murid asrama.
- Kaedah penggiliran bagi moreh dan sahur boleh dilaksanakan sekiranya pihak sekolah menghadapi kesukaran untuk menyediakan ruang makan yang dapat menampung kapasiti semua murid pada masa yang sama.
- Penyediaan makanan boleh disajikan secara bufet, hidangan individu atau berbungkus.
- Pekerja dewan makan/pramusaji sahaja dibenarkan untuk mencedok makanan dan mesti memakai pelitup muka serta sarung tangan semasa menyediakan sajian. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.
- Sumbangan pihak luar bagi tujuan berbuka puasa, moreh dan sahur hanya dibenarkan dalam bentuk kewangan sahaja dengan kebenaran pihak pengurusan sekolah. Juadah disediakan oleh pengusaha dewan makan/kantin bagi mengawal kualiti dan kebersihan makanan serta mengelakkan risiko keracunan makanan di asrama semasa bulan Ramadan.
- Majlis berbuka puasa boleh dilaksanakan dalam kalangan warga sekolah dengan mematuhi SOP yang ditetapkan MKN berkaitan pelaksanaan majlis.

2.2 Solat Tarawih/Witir

- Pelaksanaan solat tarawih/witir terhad kepada murid yang tinggal di asrama sahaja.
- Pelibatan murid selain penghuni asrama tidak dibenarkan.
- Solat tarawih berjemaah boleh dilaksanakan dengan mematuhi ketetapan terkini PBAN masing-masing.
- Solat boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal mengikut ketetapan PBAN dengan memastikan:
 - i. Had kapasiti dan tempoh masa keberadaan murid di dalam surau dikawal.
 - ii. Pelitup muka perlu dipakai sepanjang masa.
 - iii. Murid perlu kembali dalam penjarakan fizikal setelah selesai solat.
- Solat tarawih berjemaah hendaklah dilaksanakan sebanyak 8 rakaat diikuti solat witir 3 rakaat dengan bacaan surah atau ayat-ayat pendek.
- Sekiranya ruang surau tidak dapat menampung kapasiti jemaah pada satu-satu masa, pihak sekolah dicadangkan menggunakan kaedah seperti yang berikut:
 - a) Kaedah penggiliran
 - i. Pelaksanaan solat tarawih di surau secara penggiliran mengikut kesesuaian sekolah.
 - ii. Jadual penggiliran perlu disediakan bagi memastikan pergerakan murid terkawal.
 - iii. Solat tarawih berjemaah perlu ringkas agar dapat memberi ruang kepada jemaah yang lain.

b) Kaedah serentak

- i. Solat tarawih secara serentak boleh dilaksanakan di beberapa lokasi yang berbeza.
 - ii. Pihak sekolah boleh menggunakan surau dan bilik (dorm) atau bilik-bilik khas dalam satu-satu masa mengikut kapasiti ruang.
- Walau bagaimanapun, murid boleh mendirikan solat tarawih secara bersendirian di bilik (dorm) atau bilik-bilik khas yang telah ditentukan oleh pihak sekolah dengan memastikan:
 - i. Jadual solat hendaklah disediakan sebagai instrumen kawalan.
 - ii. Jadual bertugas pemantauan perlu disediakan.
 - iii. Aktiviti dan pergerakan murid terkawal.

2.3 Tazkirah/Ceramah

- Pelaksanaan tazkirah/ceramah di surau adalah tertakluk kepada ketetapan terkini PBAN masing-masing berkaitan ihya' Ramadan.
- Pentazkirah/Penceramah hanya dibenarkan dalam kalangan warga sekolah/KPM sahaja.
- Murid perlu berada dalam penjarakan fizikal serta memakai pelitup muka.

2.4 Tadarus al-Quran

- Pelaksanaan tadarus al-Quran di surau/dewan atau mana-mana tempat yang sesuai di sekolah boleh dilaksanakan pada mana-mana waktu yang bersesuaian dalam bentuk kumpulan kecil dengan kawalan had kapasiti ruang dan tempoh masa murid mengikuti aktiviti.

- Murid perlu berada dalam penjarakan fizikal serta memakai pelitup muka.
- Waktu pelaksanaan bergantung kepada ketetapan pihak sekolah.
- Pelaksanaan majlis khatam al-Quran dibenarkan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan MKN berkaitan pelaksanaan majlis.

2.5 Qiamullail

- Pelaksanaan qiamullail terhad kepada murid yang tinggal di asrama sahaja.
- Pelibatan murid selain penghuni asrama tidak dibenarkan.
- Qiamullail boleh dilaksanakan secara bersendirian atau berjemaah dengan mematuhi garis panduan sedia ada.
- Pelaksanaan qiamullail di surau hendaklah merujuk kepada Perkara 10: Pengoperasian Surau di para 10.3 - Solat Berjemaah Bagi Murid dalam Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0.
- Murid tidak dibenarkan untuk bermalam di surau.
- Qiamullail boleh dilaksanakan selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu imsak.
- Jadual qiamullail hendaklah disediakan.
- Jadual bertugas pemantauan perlu disediakan bagi memastikan aktiviti dan pergerakan murid terkawal.

3. Pengurusan Institusi dan Aktiviti Ihya' Ramadan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi

3.1 Solat Tarawih

- Solat tarawih berjemaah boleh dilaksanakan berdasarkan ketetapan terkini PBAN masing-masing.
- Solat boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal sepertimana ketetapan PBAN dengan memastikan:
 - i. Had kapasiti dan tempoh masa keberadaan jemaah di dalam masjid/surau dipatuhi.
 - ii. Pelitup muka perlu dipakai sepanjang masa.
 - iii. Jemaah perlu kembali dalam penjarakan fizikal setelah selesai solat.
- Jemaah hanya dibenarkan dalam kalangan warga IPG/Kolej Matrikulasi dan KPM sahaja.
- Jemaah hendaklah menggunakan sejadah dan telekung sendiri untuk solat.
- Sekiranya ruang masjid/surau tidak dapat menampung kapasiti jemaah pada satu-satu masa, kaedah penggiliran boleh dilaksanakan.
- Jemaah perlu segera beredar setelah selesai solat untuk memberi ruang kepada jemaah masjid/surau yang lain.

3.2 Tazkirah/Ceramah

- Pelaksanaan tazkirah/ceramah di masjid/surau adalah tertakluk kepada ketetapan terkini PBAN masing-masing berkaitan Ihya' Ramadan.

- Pentazkirah/Penceramah hanya dibenarkan dalam kalangan warga IPG/Kolej Matrikulasi dan KPM sahaja.
- Jemaah perlu berada dalam penjarakan fizikal serta memakai pelitup muka.
- Jemaah perlu segera beredar selepas selesai aktiviti.

3.3 Qiamullail dan Tadarus al-Quran

- Qiamullail/Tadarus al-Quran boleh dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- Jemaah perlu segera beredar selepas selesai qiamullail/tadarus al-Quran.
- Jemaah tidak dibenarkan bermalam di masjid/surau.

3.4 Pengoperasian Kafetaria

- Pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi perlu mematuhi garis panduan penyediaan makanan yang ditetapkan oleh KKM.
- Pengusaha kafetaria digalakkan untuk menyediakan makanan dan minuman secara berbungkus.
- Pengusaha kafetaria perlu menyediakan menu yang pelbagai.
- Tempat beratur dan kedudukan tempat makan di kafetaria diletakkan penandaan bagi penjarakan fizikal.
- Kiosk makanan dan minuman boleh disediakan di sekeliling kafetaria. Makanan dan minuman yang disediakan di kiosk adalah secara berbungkus.
- Pelajar digalakkan membuat tempahan awal untuk mengelakkan kesesakan.

- Pengusaha perlu memastikan kafetaria beroperasi pada waktu sahur.
- Pelajar digalakkan makan di bilik masing-masing.

3.5 Berbuka Puasa, Moreh dan Sahur

- Hanya pengusaha kafetaria dibenarkan mengendalikan penyediaan makanan berbuka puasa, moreh dan sahur.
- Sumbangan pihak luar bagi tujuan berbuka puasa, moreh dan sahur hanya dibenarkan dalam bentuk kewangan sahaja serta perlu mendapat kebenaran pihak pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi.
- Majlis berbuka puasa boleh dilaksanakan dalam kalangan warga IPG/Kolej Matrikulasi dengan mematuhi SOP yang ditetapkan MKN berkaitan pelaksanaan majlis.

3.6 Juadah Berbuka Puasa

- Bazar Ramadan tidak dibenarkan dalam premis IPG/Kolej Matrikulasi.
- Pelajar Matrikulasi tidak dibenarkan *outing*/keluar ke bazar Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa.
- Pelajar IPG yang tinggal di asrama dibenarkan *outing*/keluar untuk membeli juadah berbuka puasa mengikut jadual yang disediakan oleh IPG dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

3.7 Pembelian Makanan Secara dalam Talian

- Pelajar dibenarkan membuat pembelian makanan secara dalam talian.
- Penghantar makanan tidak dibenarkan memasuki

IPG/Kolej Matrikulasi.

- Serahan hanya dibenarkan di pondok keselamatan IPG/Kolej Matrikulasi dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

- TAMAT -